

SETINGGI PENGHARGAAN
SEKALUNG TAHNIAH



Rujukan Kami : KPTM:BA/USS/1-3 (18)
Tarikh : 08 Ogos 2018

Ibu Pejabat
Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Aras 4 & 5, Ibu Pejabat KPTM
Jalan 7/91, Taman Shamelin Perkasa
56100, Cheras Kuala Lumpur
T: 603 - 9179 5600
F: 603 - 9281 7491

Para Graduan

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) /
Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)

Saudara/i,

**JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) / KOLEJ
UNIVERSITI POLY-TECH MARA (KUPTM) 2018**

Seluruh warga KPTM/KUPTM mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Poly-Tech MARA dan Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur. Sempena kejayaan ini, pihak KPTM/KUPTM akan mengadakan Majlis Konvokesyen pada **20 Oktober - 22 Oktober 2018** (Sabtu hingga Isnin), bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Saudara/i dipohon untuk mengesahkan kehadiran ke Majlis Konvokesyen secara atas talian (*online*) di laman web rasmi konvokesyen convo.kptm.edu.my mulai **15 Ogos 2018** hingga **30 September 2018**. Pengesahan yang dibuat dari 1 Oktober 2018 hingga 18 Oktober 2018 akan dikenakan Bayaran Denda Lewat. Pengesahan yang dibuat **SELEPAS** 18 Oktober 2018 **TIDAK AKAN DITERIMA**.

Upacara Raptai akan diadakan pada:

Tarikh : 19 Oktober 2018 (Jumaat)
Tempat : Dewan Plenari, PICC
Masa : 2.30 petang

Kehadiran ke upacara raptai adalah **diwajibkan** bagi mendengar taklimat penuh untuk menjamin kelancaran perjalanan majlis nanti. Pastikan saudara/i mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan sebelum dan semasa hadir ke Majlis Konvokesyen.

Bagi pihak urusetia, saya berharap agar kita sama-sama jadikan majlis konvokesyen ini hari yang penuh bermakna untuk diraikan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

ABDUL AZMI BIN ABDUL AZIZ

Timbalan Presiden Akademik

Merangkap Pengerusi

Majlis Konvokesyen KPTM/KUPTM

TRUSTWORTHY, RESILIENT AND BLESSED

www.kptm.edu.my

Diuruskan oleh Kolej Poly-Tech MARA Sendirian Berhad (547467-W)

Nota Tambahan:

1. Etika Pakaian Semasa Sesi Raptai :

1.1 *Smart Casual*

(Dilarang memakai selipar/sandal/jeans/*T-shirt* kolar bulat)

2. Arahan graduan berkumpul semasa sesi konvokesyen:

2.1 Sidang Pagi : Bermula jam 7.00 pagi

2.2 Sidang Petang : Bermula jam 12.30 tengah hari